

SOALAN NO: 35

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK SERI PANGLIMA ABDUL GHAPUR
BIN HAJI SALLEH [KALABAカン]
TARIKH : 8 APRIL 2015
SOALAN :

YB Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur Bin Haji Salleh [Kalabakan]
minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan semenjak Kementerian
menubuhkan Hospital Jantung di Kota Kinabalu Sabah:-

- a) Berapa ramaikah doktor-doktor pakar yang berkaitan ditempatkan di Hospital tersebut; dan
- b) berapakah kes pembedahan "bypass" dan seperti yang dijalankan di hospital tersebut setiap bulan.

Tuan Yang di-Pertua

Pada masa ini, Kerajaan telah menempatkan sebanyak 5 orang pakar jantung di pusat jantung tersebut (Hospital Queen Elizabeth 2) iaitu 2 orang pakar kardiologi, 1 orang pakar kardiologi kanak-kanak, 1 orang pakar bius kardiologi dan 1 orang pakar bedah jantung.

Pusat Jantung di HQE 2, Kota Kinabalu telah mula beroperasi sejak bulan Ogos 2010. Semasa pusat jantung ini mula beroperasi, mereka menjalankan 2 kes pembedahan *by-pass* atau dua kes pembedahan jantung terbuka yang setaraf setiap minggu, menjadikan 8 hingga 10 pembedahan jantung terbuka setiap bulan. Semasa ini pusat jantung ini telah meningkatkan bilangan pembedahan *by-pass* sehingga 16 hingga 20 kes setiap bulan di samping menjalankan pembedahan jantung lain seperti pembedahan injap jantung, pembedahan torasik dan lain-lain lagi. Jumlah pembedahan pelbagai jenis yang dijalankan secara keseluruhan semakin meningkat bilangannya daripada tahun 2010 hingga 2014 iaitu daripada 42 kes pada tahun 2010 sehinggalah bertambah menjadi 296 kes pada tahun 2014.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIEW CHIN TONG
[KLUANG]**

TARIKH : 8 APRIL 2015 (RABU)

SOALAN : 36

Y.B. Tuan Liew Chin Tong [Kluang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah pembinaan projek Landasan Kereta Api Berkembar (LKB) Gemas - Johor Bahru akan bermula, jangkaan tarikh siap dan sama ada LKB Johor akan siap di bina sebelum projek kereta api laju (HSR) Kuala Lumpur-Singapura disiapkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pembinaan Projek Landasan Berkembar Elektrik Gemas – Johor Bahru masih belum dilaksanakan secara fizikal. Setakat ini, dokumen tender, reka bentuk awalan dan jajaran landasan berkembar dari Gemas ke Johor Bahru telah dimuktamadkan dan proses pengambilan balik tanah sedang dilaksanakan oleh Kerajaan. Tempoh pembinaan projek adalah selama 48 bulan. Projek akan dimulakan sebaik sahaja kontraktor dilantik. Dalam hal ini, Kerajaan masih meneliti dan dalam pertimbangan cadangan nama-sama kontraktor yang layak untuk melaksanakan projek ini.

Projek HSR KL-Singapura kini berada di peringkat penentuan parameter yang melibatkan penstrukturkan butiran terperinci projek termasuk pengenalpastian jajaran dan lokasi stesen, kaedah-kaedah pelaksanaan dan perolehan bersama pihak-pihak berkepentingan.

Kedua-dua Perdana Menteri Malaysia dan Singapura pada sesi Pemukiman Pemimpin Malaysia - Singapura 2014 telah mengumumkan bahawa projek ini dijangka siap dan beroperasi pada tahun 2020.